

22 DEC 1996

Mahathir-Pelajar

PELAJAR PERUBATAN YANG TIDAK DIIKTIRAF MUNGKIN DIBAWA PULANG

By: Zainoor Sulaiman

BANGALORE, 22 Dis (Bernama) -- Kerajaan mungkin membawa pulang pelajar perubatan Malaysia di sini yang tidak menerima sijil kelayakan masuk untuk melanjutkan pelajaran mereka di Malaysia, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Tindakan itu merupakan langkah terakhir dan kerajaan masih berunding dengan pihak berkuasa India untuk menyelesaikan masalah itu, katanya pada perjumpaan dengan 200 pelajar Malaysia di sini.

Kira-kira 50 orang pelajar Malaysia di Kolej Perubatan M.S. Ramaya, termasuk yang dibiayai kerajaan dalam tahun dua dan akhir, kini dalam dilema kerana keputusan peperiksaan mereka tertangguh berikutan Majlis Perubatan India (IMC) belum mengeluarkan sijil kelulusan mereka menyertai kolej itu.

IMC telah mengenakan kuota pengambilan 150 pelajar asing setahun tetapi kolej itu telah mengambil 183 pelajar.

Dr Mahathir berkata jika masalah itu tidak dapat diselesaikan kerajaan mungkin akan menghantar pelajar-pelajar itu ke kolej lain, termasuk melanjutkan pelajaran di tanah air.

Dr Mahathir berkata kerajaan bercadang mengurangkan penghantaran pelajar ke luar negeri dengan pembinaan lebih banyak universiti termasuk kolej perubatan di tanah air.

Katanya sebuah kolej seumpama itu akan dibina di Ipoh dan kolej-kolej perubatan terkemuka India akan digalakkan untuk membuka kampus cawangan di Malaysia.

Pengambilan tenaga pengajar perubatan dari India akan dapat menampung kekurangan pensyarah perubatan yang dihadapi sekarang.

Katanya rundingan sedang berlangsung dengan universiti-universiti ternama di Amerika dan Eropah untuk membuka kampus masing-masing di Malaysia sebagai langkah untuk menjadikan negara sebagai pusat pengajian terulung.

Pembinaan lebih banyak universiti antarabangsa di Malaysia bukan sahaja dapat menampung keperluan melanjutkan pelajaran tinggi di kalangan pelajar Malaysia tetapi juga akan menerima pelajar dari seluruh dunia, katanya.

-- BERNAMA

ZS AHH